## KERTAS 1: Tatabahasa

*A. Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang* **paling sesuai**.

1 Syahmi mempelajari cara-cara untuk membuat ________ daripada ayahnya.

**A** pepohon
**B** lelayang
**C** kekabu
**D** jejari

2 Adik memberitahu Cikgu Farah bahawa ________ orang murid sedang mengadakan perbincangan secara berkumpulan.

**A** setiap
**B** semua
**C** beberapa
**D** sesetengah

*B. Pilih ayat-ayat yang* **betul**.

1 I Laki-laki itu pengurus di syarikat ini.
II Kami tercari-cari keberadaan Amri sejak tadi.
III Geena menunggang basikal dengan beringat-ingat.
IV Jejentik-jejentik sudah memenuhi kolah di dalam bilik air di rumahnya.

**A** I dan II sahaja
**B** III dan IV sahaja
**C** I, II dan III sahaja
**D** II, III dan IV sahaja

2 I Yuran sekolah renang itu terlalu mahal sangat.
II Aminah ialah murid yang sungguh paling pintar.
III Encik Hamid ialah kakitangan yang paling senior di jabatan itu.
IV Cindy memberitahu emaknya bahawa dia suka betul akan pekerjaannya kini.

**A** I dan II sahaja
**B** III dan IV sahaja
**C** I, II dan III sahaja
**D** II, III dan IV sahaja

*C. Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat* **satu kesalahan bahasa**. *Kenal pasti kesalahan tersebut dan* **tulis jawapan** *yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

(i) Tubuh Tok Adi masih semakin susut kerana sakit.

________________________________________

(ii) Sarah bukan mahu meminjamkan buku itu kepada adiknya kerana bimbang buku itu akan koyak.

________________________________________

**Ingat**

- **Kata ganda separa tunggal** ... **kata yang mengalami pengul**... **bunyi vokal pada suku kata pertama dan pada kata asa**...
- Contoh kata ganda separa:
  - *bebalai, bebenang, gegend*... *jejari, kekabu, kekunci, lela*... *lelangit, pepijat, sesawang,* ... *tetupai*
- **Kata bilangan pisahan** 'setia... digunakan untuk menyatakan bilangan yang dikira satu per ... atau berasingan.
- **Kata bilangan tak tentu** 'sem... dan 'beberapa' digunakan untuk menyatakan bilangan ya... tentu atau tak diketahui.
- **Kata bilangan pecahan** 'sese... digunakan untuk menyatakan ... yang menunjukkan maksud pe...



LIVEWORKSHEETS